

Di dalam apa-apa hal pun, di dalam persoalan ini, umat Islam hendaknya ditinjau dahulu pendapatnya supaya jangan kelak Majlis Agama Islam Singapura itu menjadi sebuah majlis yang keadaannya serupa dengan Majlis Penasihat Islam, yang telah banyak membuat nasihat-nasihatnya yang dipandang oleh umat Islam Singapura bertentangan dengan syarak Islam yang menjadikan mereka memandang bahawa ahli-ahli majlis itu terdiri daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab terhadap kepada agamanya.

Juga hal-hal yang tersebut ini diharap diperhatikan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tatkala menimbangkan betapa perlunya Majlis Agama Islam yang bertanggungjawab bagi Pulau Singapura ini ditubuhkan.

* * *

Minta Perhatian Majlis-majlis Agama Islam

Tidaklah salah rasanya kalau kita katakan bahawa kebanyakan kandungan-kandungan khutbah-khutbah Jumaat yang disusun oleh jabatan-jabatan agama ini mengkritik keadaan-keadaan masyarakat di sekelilingnya; kelengahan mereka dengan mengerjakan maksiat seperti bencana minum arak, berzina dan memberi nasihat kepada mereka tentang buruknya perkara yang tersebut.

Nasihat-nasihat dan teguran yang semacam ini sebenarnya baik dan bagus tetapi apabila selalu sangat di dalam perkara yang demikian itu sahaja maka jadilah ia mandul kerana sebenarnya masyarakat Islam cukup mengetahui tentang hal-hal yang jahat itu. Mereka tahu kejahatannya – tetapi mereka langgar.

Mereka berbuat demikian disebabkan imannya tidak

kuat bahkan yang melanggar itu terkadang-terkadang terdiri daripada orang-orang “yang cukup mengetahui” tentang betapa berat hukuman yang bakal diterimanya. Mereka tidak mengendakkannya.

Hal yang demikian ini sepatutnya menjadi perhatian lebih utama oleh jabatan-jabatan agama daripada semata-mata mengkritik sebab orang-orang yang datang ke masjid berjumaat itu umumnya mereka yang taat dan telah jinak dan mengerti pula tentang buruk baik perkara-perkara yang tersebut. Jadi terang bahawa “nasihat” dengan cara ini tidak pun memberi kesan untuk membentuk masyarakat Islam masa sekarang.

Kerana itulah, menurut pandangan kita, cara khutbah dan seterusnya cara-cara memberi pelajaran agama, hendaklah dengan cara binaan yang menghidupkan iman. Menghidupkan keyakinan dan kepercayaan seseorang atas agamanya, menghidupkan semangat atas isi dan kandungan sesuatu yang dikerjakannya seperti isi sembahyang – amatlah mustahak kerana kita ketahui banyak orang yang mengerjakan sembahyang namun sembahyangnya dilakukannya hanya gerak dan bacaan jua tetapi isi dan kandungan pekerjaan sembahyangnya tidak pun dirasanya. Ini tentunya kurang menyakinkan mereka di dalam usaha-usaha melaksanakan tugasnya, dan kurang mendalamkan kepercayaannya kepada agamanya.

Ini adalah salah satu contoh daripada perkara-perkara yang banyak yang kita tinggalkan. Inilah juga perkara-perkara yang sangat besar ertinya dilaksanakan di zaman Nabi terhadap perkembangan Islam. Inilah pula yang kita harap semoga pejabat-pejabat agama menukarkan langkahnya yang ada